

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 33 RABU 13 OGOS, 1969 1389 جمادي الاول رابو 29 PERCHUMA

PESUROHJAYA KEBAJIKAN DI-KURNIAKAN GELARAN PEHIN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran Pehin kepada Pesurohjaya Kebajikan, Awang Md. Salleh bin Haji Masri dalam satu istiadat yang telah berlangsung di-Lapau Bandar Brunei pada hari Jumaat lepas.

Awang Mohammad Salleh sekarang di-kenali sa-bagai Yang Di - Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa.

Antara yang hadir di-istiadat itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Ketua

Surohanjaya British, Awang E. W. Bird, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Chiri gelaran telah di-bachakan oleh Mudim Awang Mohd. Yusof bin Abdul Latif.

Istiadat mengurniakan gelaran itu di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Mohammad Said.



Dalam masa latehan tentera yang bernama "Rajah Lanun" yang di-jalankan oleh pasukan

Askar Melayu Di-Raja Brunei, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat berchemar duli ka-Khemah AMDB di-Berakas pada hari Sabtu lepas untuk meninjau bagaimana latehan2 itu berjalan. Bersama2 Baginda dalam lawatan itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, selaku Kolonel-in-Chief AMDB. Baginda telah juga melawat ka-Bilek Gerakan latehan itu dan meninjau latehan berjaga2 di-markas AMDB.

Gambar atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia sedang diberi tahu oleh sa-orang Sergeant yang mengetuai salah satu dari pasukan yang memburu penjahat2 tentang bagaimana mereka dapat menewaskan dan menangkap penjahat2 itu.

Latehan tentera tersebut berakhir hari ini.

Pengumuman dari Istana

Ini ada sa-buah pengumuman yang di - terbitkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, di-tujukan khas kepada para jemputan ka-majlis Istiadat Membacha Do'a Selamat dan menutup Jaga2 di-Istana Darul Hana, Brunei akan di-jalankan pada jam 1.00 petang hari Khamis 14hb. Ogos, 1969 dan bukan pada jam 2.30 petang seperti dalam surat2 jemputan.

Oleh yang demikian para jemputan di - persilakan hadir pada jam 1.00 petang pada hari Khamis 14hb. Ogos, 1969.



Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Md. Salleh menjunjung sembah kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan di-istiadat mengurniakan gelaran pada minggu lalu. Sementara gambar sebelah kanan Pehin O. K. Laila Wangsa sedang menziarahi D.Y.M.M. sambil di-perhatikan oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan.

Buku Brunei Darus Salam sedang di-jual

BANDAR BRUNEI. — Buku yang berjudul 'Brunei Darus Salam' yang di-terbitkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad sekarang sedang di-jual kepada orang ramai.

Buku yang berharga \$10.00 itu boleh di-dapati di-Jabatan

Penyiaran dan Penerangan Brunei.

Buku tersebut di-terbitkan bagi memperingati Istiadat Berpuspa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan ia-

nya mengandungi gambar2 berwarna yang menarik.

Buku tersebut menggambarkan kehidupan di-Negeri Brunei dan mempunyai kata2 pendahuluan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.



Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail (di-tengah2) bergambar ramai dengan rombongan Brunei sa-jurus sa-belum mereka berlepas ka-Singapura.

BRUNEI SERTAI PERLAWANAN BOLA KERANJANG DI-S'PURA

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail, bagi pehak Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof telah menyampaikan bendera Brunei kepada pasukan bola keranjang Negeri Brunei yang telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu.

Upacara menyampaikan bendera itu telah di-adakan di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-belum rombongan itu berlepas meninggalkan Brunei. Bendera itu telah di-terima oleh pengurus pasukan, Awang Lim Kah Tiong, yang mengetuai pasukan Brunei ka-perlawanan bola keranjang di-Singapura itu.

Dalam ucapan rengkas sa-belum menyampaikan bendera itu, Pengiran Dato Paduka Momin telah menasihatkan pemain2 itu supaya berkelakuan baik untuk menjaga nama baik Negeri Brunei.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu kemudian-nya telah di-perkenalkan kepada ahli2 pasukan dan tiga orang pegawai yang menyertai pasukan itu. Awang Job Lim dari Bandar Brunei ia-lah menjadi kaptein pasukan itu.

Brunei ada-lah di-antara sapuluh buah negeri di-Asia Tenggara yang mengambil bahagian dalam perlawanan bola keranjang yang di-adakan di-Stadium Happy World, Singapura hingga 16 Ogos ini.

Baja2 perchuma untuk penanam2 padi

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian baru2 ini telah mengedarkan surat2 keliling kepada pegawai2 pertanian di-ke-empat2 buah daerah untuk memberitahu peladang2 supaya menghantar permohonan bagi mendapatkan baja2 perchuma di-bawah ranchangan menambah hasil padi di-negeri ini.

Pemangku Pengarah Pertanian, Awang Abdul Hamid bin Ja'afar berkata, Jabatan Pertanian setakat ini telah menerima banyak permohonan2 dari peladang2 untuk mendapatkan baja perchuma itu dan beliau yakin akan menerima banyak lagi permohonan2 dari peladang2 di-negeri ini.

Baja2 itu akan di-berikan kepada peladang2 yang mempunyai sistem tali ayer yang baik bagi menentukan tanaman padi tidak akan rosak.

Tahun ini Jabatan Pertanian akan membahagi2kan dua jenis baja, ia-itu NPK dan Urea. Baja jenis NPK atau

yang lengkap itu akan di-gunakan sa-bagai permulaan sementara jenis Urea di-gunakan tiga atau empat minggu sa-lepas menanam.

Baja tersebut telah memboktikan bertambah-nya hasil tanaman padi pada tahun lalu.

Sa-lain daripada memberikan baja dengan perchuma, Jabatan Pertanian juga membahagi2kan beneh2 padi kepada peladang2 di-negeri ini.

Tahun ini, Jabatan Pertanian akan membahagi2kan satu jenis beneh yang baik ia-itu jenis IR5 sa-bagai tambahan kepada jenis Mahsuri dan Melinja.

Maseh ada peti2 surat utk. di-sewakan

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pos Agong, Haji Awang Ali Khan, menyeru orang ramai yang ingin memileki peti2 surat, di-Pejabat Besar Bandar Brunei, supaya menghantarkan permohonan mereka

sa-berapa segera, kerana maseh ada lagi beberapa buah peti kosong.

Permohonan hendak-lah di-buat melalui borang2 yang di-tentukan.

Kata-nya, mereka yang belum mengambil anak2 kunchi baru, hendak-lah mendapatkan-nya di-Pejabat Besar Pos, semasa waktu bekerja. Haji Awang Ali Khan berkata, nombor2 peti surat itu, tidak berubah, meski pun mereka beroleh anak2 kunchi baru.

Mereka yang tidak dapat datang untuk mengambil anak2 kunchi baru itu, boleh-lah menghantarkan wakil-nya. Tuan2 punya peti2 surat yang kehilangan anak2 kunchi asal, hendak-lah melaporkan kepada pulis dan anak kunchi pasangan yang sama, akan di-berikan dengan di-kenakan bayaran sa-banyak \$5.00

Satu usol di-luluskan

PEKAN BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah mengadakan sidang bulanan-nya di-bilik persidangan Pejabat Daerah Temburong pada hari Isnin lepas.

Mashuarat itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Awang Johari bin Abdul Razak.

Majlis itu telah meluluskan satu usol yang di-kemukakan oleh Awang Chin Ah Wah — wakil kawasan Labu — yang meminta kerajaan supaya mengadakan sa-buah moto sangkut khas bagi di-gunakan menghantar surat2 pos dari Bangar ka-Labu, tiga kali sa-minggu.

Tiga usol yang masing2 di-kemukakan oleh Awang Chin Ah Wah dan Pengiran Julaihi bin Pengiran Tajuddin telah di-tolak oleh majlis.

Kerja2 penyiasatan tapak ranchangan bekalan ayer di-Kuala Belait telah selesai

KUALA BELAIT. — Kerja2 penyiasatan tapak bagi ranchangan bekalan ayer di-Kuala Belait dan Seria yang menelan belanja \$157,280.00 telah pun selesai.

Kerja2 yang di-mulakan dalam bulan Mei lepas itu termasuk-lah kerja2 mengorek untuk menentukan keadaan tanah di-dalam-nya.

Kerja2 mengorek itu di-jalankan di-tempat2 bagi memasukkan ayer di-Sungai Belait dekat Kampong Badas; di-tempat kerja2 membuboh ubat yang di-chadangkan dan di-pusat pengepam kawasan kolam ayer.

Ayer akan di-sedut dari Sungai Belait dan akan di-

pam dari Badas ka-pusat pembuboh ubat di-Seria.

Bekalan ayer itu kemudian akan di-bahagi2kan ka-tangki2 di-Kuala Belait, Seria dan kolam ayer di-Sungai Liang.

Tawaran bagi pembinaan ranchangan yang di-chadangkan itu akan di-keluarkan lewat tahun ini.

SA - BAGAIMANA yang kita maalami bahawa wahyu yang mula2 di - terima oleh Nabi Mohammad s.a.w. ia-lah berbubong dengan masaalah puncha ilmu pengetahuan ia-itu membacha dan menyelidek apa2 yang belum di-ketahui, kerana Allah mengajarkan kapada manusia apa2 yang belum di-ketahui.

Mengenai dengan masaalah ilmu pengetahuan ini Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sendiri pernah melapadzkan titah yang tegas pada 21 Julai yang lalu saperti berikut:

"Dengan tegas Beta nyatakan bahawa masa hadapan raayat Beta dan negeri ini sabahagian besar-nya ada-lah terletak pada kesempurnaan sistem pendidekan — dan mempelajari dan mengindahkan laila pendidekan — dan lebeh penting lagi chara dan tata pengajaran — juga latehan yang mereka terima dari kechil hingga dewasa."

Maka menyedari akan sangat mustahak-nya pendidekan dan pelajaran2, Majlis Belia2 Negeri Brunei telah mengadakan Seminar Pendidekan sa-lama tiga hari mulai 1 haribulan Ogos 1969 yang mana seminar itu di-tujukan untuk membincangkan dan meninjau dengan penoh kejujuran akan masaalah2 pendidekan dan pelajaran negeri ini beserta dengan hubungan belia2 hari ini dan masa2 yang akan datang — dan, membincangkan masaalah pendidekan dan pelajaran tidak-lah terkeluar daripada ajaran2 U gama Islam, kerana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud bahawa "tuntut-lah ilmu dari buaian hingga ka-liang lahad".

Seminar Pendidekan itu telah di-buka dengan rasminya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan yang mana antara lain Duli Yang Teramat Mulia itu telah menasihatkan belia2 dengan sabda-nya bahawa dalam dunia yang serba maju dengan kemajuan dan perkembangan sains dan teknologi ini, pemuda pemudi hendak-lah menyedari bahawa mereka tidak boleh ketinggalan di-belakang atau chukup hanya menjadi pembacha berita2 atau penuntun2, bahkan patut-lah turut mengambil bahagian bagi memperoleh laila ilmu pelajaran dan berkemajuan itu — laila berusaha dan berikhtiar, sebab kemajuan itu bukan hanya untuk orang, bahkan juga untuk kita sendiri di-negeri ini.

Saterus - nya Duli Yang Teramat Mulia itu berseru

PENDIDEKAN KUNCHI KEMAJUAN DAN KEMUNDURAN NEGARA

KHUTBAH JUMA'AT

Seminar Pendidekan anjoran M.B.B. di-harapkan membawa hasil yang berkebajikan dan sedikit sa-banyak akan memperbaiki mana2 yang kurang dan mana2 yang tidak lurus

supaya seminar itu akan menghasilkan sa-suatu yang berkebajikan bagi menunjokkan ketaatan dan kesetiaan laila kaseh sayang serta berkebajikan bagi negeri dan bangsa serta ugama dan mudah2an hasil-nya akan memperbaiki sedikit sa - banyak mana2 yang kurang dan mana yang tiada lurus.

Kita semua hendak - lah mengambil berat berhubung dengan masaalah pendidekan

dan pelajaran di-negeri ini kerana pelajaran dan pendidekan ada-lah merupakan kunchi bagi menentukan maju atau mundur-nya sa - buah negara dan sa-suatu bangsa. Oleh itu kita umat Islam hendak-lah mengamati - amati dan meneliti masaalah2 pendidekan dan pelajaran semoga keturunan kita yang akan datang dapat hidup dengan mulia-nya di-tanah ayer-nya sendiri serta menikmati rahmat Allah yang di-redhai-nya.



207,000 keping telah di-jual

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pos Agong, Haji Awang Ali Khan bin Abdul Khan berkata, setakat ini sabanyak 207,000 keping setem khas bagi memperingati Perarakan Al-marhom Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Di-Gadong Sahibol Mal telah di-jual di-semua pejabat2 pos di-negeri ini.

Dari jumlah itu sabanyak 107,000 keping setem yang berharga 12 sen.

Haji Awang Ali Khan berkata, setem2 yang berharga 12 sen, 40 sen dan 50 sen sekarang ini maseh di-jual di-semua pejabat2 pos salama tiga bulan atau pun sahingga setem2 itu habis di-jual.

Setem2 khas itu mula di-jual pada 10 Julai lepas.

Pulang sa-telah jalani kursus

BANDAR BRUNEI. — Dua orang kaki-tangan dari Pejabat Penghapus Malaria telah pulang ka-tanah ayer pada hari Isnin lepas sa-telah menamatkan satu kursus mengesan kuman2 penyakit malaria di-Pusat Latehan Penghapus Malaria di-Manila.

Mereka ia-lah Awang Hidup bin Haji Yakob dan Awang Muhmud bin Peria.

Kedua2 orang itu telah berada di-Manila sa-lama dua bulan.

Pada hari itu, sa-orang Pegawai Perpustakaan di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka juga kembali sa-telah menamatkan kursus salama enam bulan di-Perpustakaan Antara Bangsa di-Singapura.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 13 Ogos, 1969 hingga ka-hari Selesa 19 Ogos, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
13 Ogos		12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-57	6-16
14 Ogos		12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-57	6-16
15 Ogos		12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-57	6-16
16 Ogos		12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
17 Ogos		12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
18 Ogos		12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
19 Ogos		12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

13, Ogos, 1969

"RAJAH LANUN"

ASKAR Melayu Di - Raja Brunei sekali lagi telah mengadakan latehan tentera selama sa-minggu. Tujuan asas latehan itu ialah untuk menguji kecekapan Askar Melayu Di-Raja Brunei dalam menghadapi kekacauan2 yang berlaku yang tempat dan masa-nya tidak tetap. Di-samping sebagai satu tugas yang amat berat yang melibatkan semua anggota2 AMDB dan peralatan2-nya, latehan itu juga telah dapat memberikan satu pengalaman yang baru kepada pasukan itu dalam menghadapi sa-barang kemungkinan kekacauan yang akan timbul.

Latehan itu di-beri nama "Rajah Lanun" dan telah bergerak di - sekitar Daerah Brunei dan Muara termasuk Teluk Brunei. Senjata2 yang di-bekalkan dengan ubat bedil kosong — penggunaan pyrotechnics (satu chara tembakan api ka-udara sama ada ditujukan untuk isharat atau untuk menerangi kawasan2 yang tertentu) telah di-gunakan dalam latehan yang berjalan pada siang dan malam. Penggunaan helikopter sa-chara besar2an, kereta2 persisai dan kapal2 ronda telah juga di-lakukan. Sabahagian dari anggota2 AMDB telah bertindak sa-bagai musuh yang di - lengkapkan dengan pakaian hitam dan juga senjata2. Untuk bertindak sa-bagai musuh, mereka membuat sarang2 rahsia menurut kecekapan masing2 dan mereka bergerak untuk membuat serbuan2 dan menimbulkan kekacauan dengan melalui berbagai2 chara termasuk penggunaan perahu2 yang laju dan dengan chara berjalan kaki menembusi hutan2 untuk sampai ka-matalamat yang hendak di-serang.

Dari angkatan musuh itu telah dapat di-kesan tiga orang pemimpin mereka yang menjadi kepala menimbulkan kekacauan. Kenyataan2 untuk mereka sa-bagai orang2 yang di-kehendaki telah di-terbitkan melalui akhbar2 di-negeri ini.

Latehan "Rajah Lanun" ini ada-lah yang terbesar yang pernah di-jalankan oleh Askar Melayu Di-Raja Brunei. Teknik2 yang telah di-jalankan ada-lah merupakan yang benar2 berlaku dan pehak musuh menggunakan kecekapan masing2 sa-hingga pehak pasukan keselamatan menghadapi kesukaran2 untuk menghapuskan mereka. Namun demikian dalam gerakan menyapu bersih, musuh2 itu telah dapat di-berkas dalam beberapa jam sa-belum latehan Rajah Lanun yang berjalan sa-lama sa-minggu itu di-tamatkan.

Ini merupakan satu kejayaan besar telah di-chapai dalam masa latehan itu yang juga telah menunjukkan kekuatan AMDB dalam menegahkan gerakan2 yang bertujuan jahat, merosak dan memporakperandakan keadaan negara.



Dk. Hadinah sedang menerima piala kemenangan-nya dari Dr. Puan De La Pina.

Lagi sa-buah peti surat di-pasang

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pos telah memasang sa-buah lagi peti surat bagi sabahagian ranchangan-nya untuk menyelenggarakan perkhidmatan pos yang lebih mudah kepada orang ramai.

Peti surat itu telah di-pasang di-Kampung Kuala Pemadang Daerah Tutong.

Ketua Pos Agong, Haji Awang Ali Khan berkata surat2 dalam peti surat tersebut akan di-ambil sa-banyak dua kali sa-minggu.

Sementara itu Haji Awang Ali Khan berkata beliau berasa puas hati dengan perkhidmatan pos di-sungai di-Daerah Tutong.

Perkhidmatan di-sungai itu telah di-mulakan di-daerah itu dalam pertengahan bulan lepas.

Moto2 sangkut pos tersebut berkhidmat di-14 buah kampung antara Lubok Pulau dan Rambai pada tiap2 hari Isnin dan tiga buah kampung antara Rambai dan Keranching pada tiap2 hari Rabu.

Pembinaan balai pulis Lamunin

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah menerima tawaran bagi pembinaan sa-buah kompleks balai pulis di-Lamunin, Daerah Tutong yang di-jangka menelan belanja \$509,073.00.

Komplek tersebut akan mengandungi balai pulis, ru-



'Miss Brunei 1969' di-apit oleh Dk. Halimah bte Pg. Said (kiri) dan Dayang Hazel Kirkhope. Di-belakang ia-lah Dr. Puan De La Pina, salah sa-orang yang menghakimkan pertandingan tersebut.

Penuntut STPRI di-pilih sa-bagai "Miss Brunei 1969"

BANDAR BRUNEI. — Dayangku Hadinah binte Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong telah di-mahkotakan sa-bagai Miss Brunei 1969 dalam peraduan Miss Brunei yang berlangsung di-Dewan Sekolah Melayu Pusu Ulak pada malam hari Sabtu, 9 Ogos lepas.

Peraduan tersebut di-anjurkan oleh Perkumpulan Wanita Brunei sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ke-23 tahun.

Dayangku Hadinah yang berumur 16 tahun ia-lah sa-orang penuntut di - Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Dengan kemenangan - nya itu, Dayangku Hadinah telah menerima hadiah tambang kapal terbang perchuma untuk melanchong ka - Hong Kong hadiah dari MSA di-samping menerima hadiah piala khas dan rangkaian hadiah2 yang lain.

Pada malam pertandingan itu Dayangku Hadinah telah memakai pakaian kebaya moden dan telah berjaya mengalahkan 7 orang peserta yang mengambil bahagian.

Naib Johan Miss Brunei 1969 jatuh kepada Dayangku Halimah binte Pengiran Said.

Dayang Hazel Kirkhope, satu2-nya gadis Eropah yang

menyertai pertandingan itu telah berjaya mendapat tempat ketiga.

Hakim2 yang mengadili pertandingan itu ia-lah Sister Yong, Awang C. T. Miler, Awang Md. Yusof Daud, Awang Ali Daud dan Dr. Puan De La Pina.

Dr. Puan De La Pina telah juga menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dan peserta2 yang mengambil bahagian.

Pada malam itu juga telah diadakan majlis tari menari dan chabutan nombor meja yang bernasib baik untuk menerima hadiah tambang kapal terbang perchuma ka-Kota Kinabalu yang juga di-hadiahkan oleh MSA.

Kerja mengubah kebal letrik

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Letrik telah menyiapkan kerja2 mengator semula beberapa bahagian kebal bawah tanah di-Bandar Brunei, kerana memberikan kemudahan kepada kerja2 memasang saloran sistem saloran najis.

Kerja2 tersebut telah di-mulakan dua bulan yang lalu.

Sa-orang juruchakap Jabatan Letrik berkata, kerja mengator semula kebal itu ada-lah bagi menjamin bekalan letrik dan mengelakkan gangguan kepada orang ramai.

Kebal tersebut mempunyai tenaga yang tinggi dan ia-nya perlu di-ubah beberapa bahagian-nya dari tempat menanam saloran sistem saloran najis itu.

Sementara itu, Jabatan Letrik juga sedang memasang kebal bawah tanah menyeberangi jalan untuk menjauhkan gangguan lalu lintas di-masa hadapan.

mah2 untuk pegawai, anggota2 pulis yang bersisteri dan bujang dan sa-buah kanten.

Ia-nya di-jadualkan siap dalam masa 12 bulan.

Balai pulis baru itu ada-lah menggantikan balai pulis lama yang ada sekarang.

Bintang Radio 1969: Tiga penyanyi di-pileh mewakili Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Tiga orang penyanyi dari Daerah Tutong telah di-pileh untuk mewakili daerah itu ka-pertandingan Bintang Radio 1969 perengkat negeri yang akan berlangsung di-Bandar Brunei dalam bulan September hadapan.

Mereka ia-lah Awang Shamsuddin Idris, Dayang Saerah Md. Salleh dan Dayang Zainab bte Suhut.

Ketiga2 penyanyi itu telah di-pileh dalam pertandingan Bintang Radio perengkat Daerah Tutong yang telah berlangsung di-padang Bukit Bendera pada malam Ahad lepas.

Sa-ramai 18 orang penyanyi termasuk 8 orang wanita telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan tersebut telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh dan hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri beliau.

Pertandingan Bintang Radio perengkat Daerah Belait akan di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait pada 16 Ogos, Daerah Temburong pada 22 Ogos dan bagi Daerah Brunei dan Muara pada 29 Ogos bertempat di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.



Gambar atas menunjukkan ketiga2 penyanyi yang akan mewakili Daerah Tutong ka-Pertandingan Bintang Radio Seluruh Negeri. Dari kiri Awang Shamsuddin Idris, Dayang Zainab bte Suhut dan Dayang Saerah bte Mohammed Salleh.

261 orang ambil peperiksaan masuk ka-sekolah2 Arab

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 261 dari 288 orang penuntut akan mengambil peperiksaan kerana memasuki ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit di-Bandar Brunei bagi tahun 1970.

Peperiksaan itu akan di-adakan serentak pada 30 Ogos mulai jam 8.00 pagi di-empat buah Pusat2 Peperiksaan di-negeri ini.

Penuntut2 di-Daerah Brunei/ Muara, peperiksaan akan di-adakan di-Madrasah Bandar Brunei, di - Daerah Belait peperiksaan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Moham-

mad Alam Seria, di-Daerah Tutong di-Sekolah Melayu Muda Hashim dan Temburong di-Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar.

Empat mata pelajaran akan di-periksa ia-itu Ilmu Hisab, Tauhid, Ibadat dan Bachaan Al-Koran.

Sa-orang juruchakap di-Jabatan Hal Ehwal Agama berkata, peperiksaan pemilihan itu terbahagi kepada dua kumpulan ia-itu kumpulan 'A' dan 'B'.

Sa-ramai 68 orang termasuk 43 wanita dari kumpulan 'A' akan mengambil peperiksaan memasuki Tingkatan Satu ia-itu mereka yang di-pileh dalam darjah VI di-Sekolah Melayu dan Darjah III di-sekolah Agama.

Sa-ramai 193 orang termasuk 113 wanita dari kumpulan 'B' akan mengambil peperiksaan kelas persediaan ia-itu mereka yang di-pileh dalam Darjah V di-Sekolah Melayu dan Darjah II Agama dan mereka yang lulus dari kelas persediaan tersebut akan menjalani perhubungan belajar sa-lama satu tahun sa-belum masuk ka-tingkatan Satu.

Juruchakap itu juga menyeru kepada penuntut2 yang akan mengambil peperiksaan itu supaya membawa surat beranak semasa menghadiri peperiksaan tersebut.

Latehan menembak meriam katak

BANDAR BRUNEI. — Paskan meriam katak Askar Melayu Di-Raja Brunei, akan menjalankan latehan menembak pada hari Rabu 20 Ogos antara pukul 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Mereka akan menggunakan meriam katak jenis 81 milimetre dari tempat menembak di-Kampung Binturan Daerah Tutong.

Jarak paling jauh tembakan-nya ia-lah 4,500 meter dan bom2 meriam katak itu akan di-tembak sa-tinggi 8,500 kaki.

Penduduk2 di - Kampung Binturan, Bukit Panggal, Bandon dan Penanjong ada-lah di-nasihatkan supaya jangan menghampiri kawasan latehan, semasa latehan itu di-jalankan, mereka juga di-nasihatkan supaya tidak membiarkan lepas di-kawasan bahaya, lepas di-kawasan bahaya.

PEMBETULAN

Keluaran Pelita Brunei minggu lepas bertarikh 6 Ogos, 1969 bukan 6 Julai, 1969.

Persidangan2 M. M. D. Belait dan Tutong

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Dearah Belait yang di-pengurusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah, Dato Paduka Awang Matnoor Mac-Afee, telah bersidang di-Bilek Persidangan Pejabat2 Kerajaan, Kuala Belait pada hari Khamis lepas.

Ketika berucap kepada majlis, beliau telah menerangkan tentang kedudukan-nya yang baru sahaja di-tukar ka daerah itu, dari Bandar Brunei, dan mengharapakan kerja sama dari semua pihak di-Daerah Belait, terutama-nya kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah itu.

Tidak ada usul yang di-bawa ka-dalam sidang majlis itu.

Awang Lim Leong Kui, wakil kawasan Bukit Sawat dalam ucapan penangguhan-nya telah melahirkan ucapan terima kasih kepada kerajaan yang telah membina jalan kechil yang menghubungkan antara Bukit Sawat, Sukang dan Melilas.

Awang Lim Leong Kui mengharapakan, jalan kechil itu

akan dapat di-perbaiki lagi keadaan-nya, bagi membolehkan kenderaan Land Rover melalui jalan itu tanpa gangguan.

Sementara itu di-Pekan Tutong, Pegawai Daerah, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammed Salleh memberitahu Majlis Mashuarat Daerah itu, bahawa pembenaan balai raya di-Kampung Penapar, belum lagi dapat dilaksanakan kerana tidak ada peruntokan-nya.

Beliau memberikan kenyataan itu, ketika menjawab soalan yang di-kemukakan oleh Awang Abdul Manan bin Pulong, wakil kawasan Tanjung Maya, apabila majlis bersidang di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Tutong pada hari Khamis lepas.

Mengenai soalan memohon kebenaran lesen T.O.L. ia-itu lesen pendudukan sementara, yang juga di-bentangkan oleh Awang Abdul Manan, Pengiran Othman menerangkan, perkara itu tidak dapat di-tetapkan kerana bergantung kepada penyiasatan lanjut.

Dua orang pegawai memerhati Pesta Bernang di-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Pegawai Kerajaan akan berlepas dengan kapal terbang ka-Singapura pada tengah hari ini Rabu 13 Ogos untuk memerhati Pesta Bernang di-republik itu.

Mereka ia-lah Pengiran Idriss bin Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji

Mohamad, sa- orang Pegawai Pentadbir di-Pejabat Daerah Brunei/Muara dan Penguasa Kolam Bernang Brunei, Awang Kwan Hwa Oong.

Pesta Bernang itu akan di-adakan mulai pada 15 hingga 17 Ogos sa-bagai salah satu daripada acara sambutan perayaan 150 tahun tertubuhnya Singapura.

Pepereksaan2 bahasa China dan Jepun dlm. bulan Okt.

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran telah membuat persiapan bagi mengadakan pepereksaan2 dalam bahasa China dan Jepun bagi penuntut2 kelas dewasa dalam bulan Oktober tahun ini.

Pepereksaan2 itu akan diadakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak, di-Bandar Brunei, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Sekolah Melayu Labi di-Ulu Belait dan di-Sekolah Sultan Hassan, Bangar.

Pepereksaan dalam bahasa China akan di-adakan pada 29 dan 30 Oktober sementara pepereksaan dalam bahasa Jepun akan di-adakan pada 30 dan 31 Oktober.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, pepereksaan2 tersebut ada-lah hanya untuk penuntut2 kelas dewasa bagi tingkatan II dan IV.

Juruchakap itu berkata, chalu2 hendak-lah mendaftarkan nama mereka melalui guru mereka masing2.

Borang2 tersebut hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 1 September, 1969.

Tapak bagi Balai Polis Tutong

TUTONG. — Kerajaan telah menyediakan sa-keping tanah sa-luas tiga ekar, bagi pembinaan sa-buah kompleks balai polis yang baru di-Pekan Tutong. Balai Polis yang di-chadangkan itu terletak di-sebelah Balai Bomba yang baru siap di-bena.

Kawasan tersebut sekarang sedang di-bersehhkan.

Kompleks tersebut akan termasuk rumah2 untuk pegawai2, anggota2 polis yang beristeri dan bujang.

Ia-nya akan menggantikan Balai Polis lama yang ada sekarang di-bangunan pejabat2 kerajaan, Pekan Tutong.



Tuan Syed Muhammad Jamil ketika memberikan cheramah di-Dewan Raya pada minggu lalu. Di-sebelah kanan ia-lah Ustaz Abdul Latif bin Haji Hashim yang telah menterjemahkan cheramah beliau ka-dalam bahasa Melayu. (Gambar BP/JHEU).

Persatuan Trengkas akan mengundang Pengaruh Trengkas Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Trengkas Melayu Brunei akan mengadakan Peraduan2 Trengkas, Menaip dan Trengkas Seni Gregg bulan depan.

Bahagian Trengkas dan Menaip mengandungi tiga tingkatan ia-itu permulaan, menengah dan tertinggi. Bayaraan memasuki peraduan itu ia-lah bagi tingkatan permulaan \$2.00 menengah \$2.50 tertinggi \$3.00 dan bahagian Trengkas Seni Gregg \$3.00.

Borang2 masuk peraduan boleh di-dapati dari semua Guru2 Trengkas dan Menaip di - Daerah masing2 atau kepada Setia Usaha Peraduan, Awg. Abd. Rahim bin Md. Walli di-Radio Brunei.

Borang2 masuk peraduan hendak-lah di - kembalikan kepada Guru2 mereka tidak lewat pada 29 Ogos dan peraduan akan di-jalankan pada 12 September, 1969.

Hanya mereka yang pernah menduduki kelas Trengkas dan Menaip saja di-benarkan memasuki peraduan itu.

Sementara itu, Persatuan itu juga akan mengundang Pengarah Trengkas Melayu Institute Malaysia, Tuan Haji Abd. Rahman bin Hj. Hassan dari Republik Singapura datang ka-Brunei.

Ketika berada di-Brunei Tuan Haji Abd. Rahman akan



Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Hassan.

memberikan cheramah kepada semua pelajar2 Trengkas dan Menaip di-negeri ini.

Tuan Hj. Abd. Rahman ia-lah pengasas dan Pengarah Persekolahan Trengkas di-seluruh Malaysia dan Singapura.

Pegawai Pendaftaran ka-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pegawai Pendaftaran Negara Brunei telah berlepas ka-Singapura hari Ahad lepas kerana menjalani latehan chara2 menjalankan mesin melapis kad pengenalan di-Pejabat Pendaftaran Kebangsaan Singapura.

Rombongan itu di-ketuai oleh Timbalan Persurrohjaya

Yang Di-Pertua Persatuan Koran Pakistan melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Yang Di - Pertua Persatuan Koran Pakistan, Tuan Syed Muhammad Jamil sekarang ini sedang mengadakan lawatan muhibbah ka-negeri ini.

Ketika berada di-sini, Tuan Syed Muhammad Jamil telah memberi cheramah kepada orang ramai mengenai agama Islam.

Pada hari Isnin lepas, beliau telah memberikan cheramah di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Antara yang hadir di-majlis itu termasuk-lah Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Uagama dan orang2 Pakistan yang berada di-negeri ini.

Pada hari Jumaat lepas, Tuan Syed Muhammad Jamil telah memberikan cheramah di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Yang Di-Pertua Persatuan Koran Pakistan itu telah melawat ka-Daerah Temburong pada 9 Ogos lepas dan telah memberikan cheramah kepada penduduk2 di-daerah itu di-Pekan Bangar.

Pada 11 Ogos lepas, Tuan Syed Muhammad Jamil telah memberikan cheramah di-Masjid Hassanah Bolkiah Tutong dan sa-telah itu beliau berangkat ka-Kuala Belait untuk memberikan cheramah di-sana.

Esok, 14 Ogos, Tuan Syed Muhammad Jamil akan memberikan cheramah-nya di-Ibu Pejabat Askar Melayu Di-Raja mulai pukul 7.30 malam.

Pendaftaran, Awang Said bin Othman.

Pegawai2 yang lain, ia-lah Awangku Jaludin bin Pengiran Mohammad, Pegawai Pendaftaran Belait, Dayang Adi binte Apang, dan Dayang Sainah binte Ahmad, kedua2 - nya kerani di-Pejabat Pendaftaran.

Mereka akan berada di-Singapura sa - lama dua minggu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pemereksa Kenderaan

PERMOHONAN2 ada - lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa - bagi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Pemereksa Kenderaan di-Jabatan Kenderaan Darat, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan C1 EB2 — \$570 x 30 — 630/EB/660 x 30 — 900.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti - lah lulus Tingkatan II atau yang bersamaan di-Sekolah Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu.

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Sekolah Pertukangan Sharikat B.S.P. dalam bahagian Mechanical Engineering atau yang sa-banding dengan-nya.

atau

Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat di-sabua Pejabat Kejuruteraan sa-bagai Foreman Mechanic sekurang-nya sa-lama lima tahun.

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu untuk memandu kenderaan2 Kelas 1 dan 4.

Tugas2:

- Memeriksa kenderaan2 dan

menyediakan penyata2 ke-rasakan.

- Memeriksa dan menyedia-kan penyata2 berkenaan de-ngan kenderaan2 yang terli-bat dalam kemalangan.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 21 Ogos, 1969.

Di-Jabatan Hal

Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang men-jadi raayat atau berhak di-da-ftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hanya mereka2 yang tinggal berdekatan dengan kawasan ini di-kehendaki memohon:—

- BILAL (1 jawatan) — bagi Masjid Hassanah Bolkiah Tutong.
- MERBUT (1 jawatan) bagi Masjid Hassanah Bolkiah Tutong.

Sharat2 Memohon:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam mem-bacha Al-Quran dan menge-tahui hukum2 Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah berse-dia menghadapi satu pepereksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

- Dalam sukatan gaji:—
- BILAL — U2 \$200x10-400.
- MERBUT — U1 \$170x5-210/220x10-250.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang bo-leh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 20hb. Ogos, 1969.

Sa-bagai Tukang Kayu Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dan berkelayakan yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Kayu Tingkat II di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Jawatan2 tersebut mempunyai empat kekosongan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang daripada 25 tahun dan sekurang-nya telah mempunyai 5 tahun pengalaman praktik sa-bagai sa-orang Tukang Kayu.
- Pemohon2 mesti-lah telah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya, tetapi kelayakan persekolahan yang rendah sedikit akan di-terima bagi pegawai2 yang sudah lama berkhidmat dengan Kerajaan serta mempunyai bakti sa-bagai sa-orang tukang kayu yang berpengalaman.

- Pemohon2 mesti-lah boleh:

- Merancang rangka dan mengadakan lukisan2 bagi kerja2 yang di-arahkan kepada me-reka.
- Menjelaskan lukisan2 yang sudah di-sediakan.
- Menyediakan anggaran2 belanjawan bagi harga kayu-kayan, per-

kakas2 dan alat2 ke-lengkapan yang di-kehendaki untuk per-kara2 i) dan (ii) di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 28 Ogos, 1969.

Sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II

PERMOHONAN2 ada - lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk di-lantek sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan Laporan2 Sulit tentang tugas2 si-pemohon dan tentang kelayakan2 mereka untuk di-naikkan pangkat.

Permohonan2 mesti-lah sampai kepada Pegawai Perjawatan tidak lewat daripada 21 Ogos, 1969, dan permohonan2 yang tiba lewat dari-pada tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Ukur

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang men-jadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa - bagi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pembantu Kechil Teknik Rendah di-Jabatan Ukur, Brunei. (8 jawatan kosong).

Kelayakan2:

- Umur tidak kurang dari-pada 18 tahun dan tidak lebeh dari 25 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Inggeris dan Darjah IV

Melayu.

- Pemohon2 mesti-lah mempunyai tulisan yang baik.
- Pemohon2 mesti-lah lulus Ilmu Hisab bahagian rendah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$200 x 10 — 270/EB/280 x — 330.

Permohonan2 daripada kaki-tangan2 Jabatan Ukur yang tidak mempunyai kelayakan2 yang di-perlukan saperti di-atas, tetapi ada mempunyai pengalaman dalam bahagian ukur akan juga di-per-timbangkan.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantarkan melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 de-ngan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 September, 1969.



BAPA TAUNJAR-UNJAR, ANAK-NYA MAMBUATKAN PANGAMBAT BOLA BALIDAR

Wang2 shiling baru akan di-keluarkan pada 20 Ogos

BANDAR BRUNEI. — Satu pengeluaran wang2 shiling Brunei yang baru yang menunjukkan wajah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei akan di-edarkan pada 20 Ogos ini.

Wang2 shiling yang baru itu ia-lah satu sen, lima sen, sa-puluh sen, dan 20 sen dan di-sabelah-nya akan kelihatan wajah Baginda dan bukan lagi wajah Duli Yang Maha Mulia Sultan Omar Ali Saifuddin III.

Dato John Lee berkata, besar-nya wang2 shiling yang baru itu dan rajah2 di-sabelah-nya akan sama seperti yang ada sekarang ini kecuali tahun-nya yang akan berubah ia-lah tahun 1968 dan bukan lagi tahun 1967.

Wang2 shiling yang baru bernilai 50 sen akan di-keluarkan kemudian.

Mengenai wang2 shiling yang telah di-keluarkan, Dato John Lee menyatakan bahawa pada masa ini tidak ada tujuan untuk menarek balek wang2 shiling tersebut dan ia-nya akan terus beredar bersama2 dengan wang2 shiling yang baru itu sa-bagai wang2 shiling yang sah di-perlakukan.

Beliau berharap tidak akan ada usaha2 khas yang dilakukan bagi menukarkan wang2 shiling yang lama dengan yang baru itu.

Dua pementasan bagi mengutip derma Tabong Kebajikan Gurkha

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Drama Amateur Panaga, akan mementaskan dua lakonan sa-babak di-Dewan Maktab SOAS pada hari Sabtu, 23 Ogos untuk mengutip derma untuk tabong kebajikan Gurkha.

Lakonan2 itu, ia-lah "The Monkey's Paw" oleh W.W. Jacobs, dan "Ways and Means" oleh Noel Coward.

Tiket2, yang berharga \$4.00 bagi tempat duduk barisan pertama, ia-itu tempat khas, dan bernombor; \$2.50 bagi, 4 barisan lagi, serta di-khaskan juga dan bernombor; dan \$2.50 bagi dua barisan pertama, tempat duduk di-tengkat atas, yang di-khaskan juga dan bernombor.

Tiket2 boleh di-dapati dari Puan J. F. Marshall, telephone nombor 2266 Bandar Brunei.

Tiket2 yang tidak bernom-



Bentuk wang shiling baru yang akan di-edarkan mulai 20 Ogos ini.

Sa-orang lagi yang buta berkursus di-Kuala Lumpur

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pemuda buta, Awang Abdul Ghafar bin Simu telah berlepas ka - Malaysia Barat dengan kapal terbang hari Isnin lepas untuk menjalani kursus pekerjaan tangan di-Pusat Latehan Henry Gurney, Kuala Lumpur.

Awang Abdul Ghafar telah buta kedua2 belah mata-nya sejak tahun 1962. Beliau berumur 34 tahun — maseh bujang dan bekas kerani di-Jabatan Kerja Raya di-Sungai Liang.

Semua perbelanjaan dalam masa berkursus termasuk tambang kapal terbang pergi balek ada-lah di-tanggung oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Terdahulu sa-belum itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menghantar dua orang buta menjalani kursus di-tempat yang sama.

Mereka ia-lah Awang Ishak bin Abdul Salam dari Seria

dan Awang Abdul Rashid bin Haji Karim dari Kilanas.

Awang Ishak bin Abdul Salam berumur 21 tahun yang di-hantar dalam tahun 1966 telah menghabiskan kursusnya sa-lama tiga tahun di-Pusat Latehan Henry Gurney, Kuala Lumpur dan Kinta Valley Workshop Ipoh, Perak.

Awang Ishak yang buta kedua belah mata-nya sejak kecil pada masa ini telah pun balek ka-Brunei bulan Julai lalu.

Awang Abdul Rashid bin Haji Karim, berumur 30 tahun yang telah buta sejak kecil telah juga mengikuti kursus yang sama sa-lama tiga bulan di - Pusat Latehan Henry Gurney.

Awang Abdul Rashid tidak lulus menjalani perchubaan kursus tiga bulan di-pusat itu dan beliau telah di-hantar balek ka-Brunei dalam bulan Julai, 1968.

Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat berchadang akan menghantar tiga orang lagi orang2 bisu untuk menjalani kursus di - luar negeri.

Tiga orang pegawai ka-sidang Nadzir di-S'pura

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pegawai dari Jabatan Pelajaran telah berlepas ka-Singapura pada minggu lalu untuk menghadiri Sidang Nadzir2 Sekolah di-seluruh Commonwealth dan Timor Jauh.

Mereka ia-lah Awang Mohd. Suni bin Haji Idris, sa-bagai ketua rombongan, Awang Hussein bin Mohd. Yusof dan Awang Wong Siew Ming.

Persidangan itu di-anjarkan oleh Pensharah yang mengetuai bahagian kursus bagi Pentadbir2 dan Nadzir Com-

Kempen cheghah penyakit lumpoh di-Daerah Belait telah Selesai

KUALA BELAIT. — Jabatan Kesihatan dan Perubatan Kuala Belait bulan lalu telah selesai menjalankan kempen memberikan ubat bagi mencheghah penyakit lumpoh kepada murid2 sekolah yang berumur sembilan tahun kebawah.

Sa-orang juruchakap jabatan itu di-Kuala Belait berkata, sa-ramai 1,710 orang murid telah di-berikan suntikan ubat Sabine yang ketiga dan terakhir.

Sementara itu, rombongan Jabatan Kesihatan dan Perubatan sedang memberikan suntikan ubat Sabine dose yang kedua kepada murid2 di-25 buah sekolah di-Daerah Tutong.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Y. H. Pike berkata, rombongan tersebut telah mula memberikan ubat dose kedua itu pada akhir bulan lalu.

Kata-nya, rombongan tersebut akan menghabiskan tugas-nya di-semua sekolah2 di-daerah itu pada 18 Ogos.

Beliau menyeru kepada guru2 besar di-daerah itu supaya memberikan kerjasama dan menentukan semua murid2 menerima ubat dose kedua.

Dr. Pike menambahkan kata takat ini rombongan penyuntik sedang menjalankan tugas di-53 buah kampung di-Daerah Tutong, bagi mencheghah penyakit taun. Kempen tahunan itu di-jangka selesai pada 27 Ogos ini.

Dr. Pike menyeru penduduk2 di-kampung2 itu supaya menentukan yang mereka di-suntik untuk mencheghah penyakit taun.

monwealth University of Birmingham.

Persidangan itu berlangsung di-Universiti Singapura hingga 15 Ogos ini.

Antara yang di-binchangkan dalam persidangan itu termasuklah tugas2 nadzir di-semua sekolah dan chara memperbaiki sistem pelajaran di-negeri yang sedang membangun.

Di-antara negeri2 yang menyertai persidangan itu ia-lah Brunei, Malaysia, Singapura, Britain, Australia, New Zealand, Solomon Islands, Fiji dan Hong Kong.